



TEKS UCAPAN
YAB DATUK SERI UTAMA HAJI SULAIMAN BIN MD ALI
KETUA MENTERI MELAKA
SEMPENA
MAJLIS PENUTUPAN PERSIDANGAN KEHAKIMAN SYARIAH
ANTARABANGSA 2021 (SECARA DALAM TALIAN)
PADA HARI KHAMIS 30 SEPTEMBER 2021
(RAKAMAN PADA 20 SEPTEMBER 2021, ISNIN)

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh. Salam sejahtera.

Salam Melakaku Maju Jaya, Rakyat Bahagia, Menggamit Dunia.

YANG BERHORMAT SENATOR TUAN HAJI IDRIS BIN HAJI AHMAD,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (HAL EHWAL AGAMA).

YANG AMAT ARIF TAN SRI ROHANA BINTI YUSUF,
PRESIDEN MAHKAMAH RAYUAN.

YANG AMAT ARIF DATO' SETIA DR. HAJI MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR,
KETUA PENGARAH MERANGKAP KETUA HAKIM SYARIE,
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH MALAYSIA.

YANG BERHORMAT DATO' Ts. KAMEL MOHAMAD,
SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI MELAKA.

YANG BERHORMAT DATUK HAJI AHMAD MARZUK BIN
SHAARY,
TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA).

SETERUSNYA TAN SRI-TAN SRI, DATUK SERI-DATUK SERI,
DATUK-DATUK, TUAN-TUAN DAN PUAN-PUAN YANG
DIKASIHI SEKALIAN.

1. Pertama-tamanya, Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dirafakkan ke hadrat Allah SWT kerana saya dapat bersama-sama pada Majlis Penutupan Persidangan Kehakiman Syariah Antarabangsa 2021.
2. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya mengucapkan terima kasih kepada pihak penganjur, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) khususnya Yang Amat Arif Dato' Setia Dr. Haji Mohd. Na'im bin Haji Mokhtar, Ketua Pengarah merangkap Ketua Hakim Syarie JKSM atas ruang yang diberikan untuk saya menyempurnakan Majlis Penutupan Persidangan pada hari ini.
3. Saya dimaklumkan oleh penganjur bahawa persidangan ini telah dirancang untuk diadakan di Negeri Melaka secara fizikal sejak awal tahun yang lalu. Namun, ia tidak dapat diteruskan kerana keadaan negara kita yang masih berada dalam Pelan Pemulihan Negara dimana persidangan secara bersemuka masih belum

dibenarkan. Justeru, persidangan ini tetap diteruskan secara maya atau di atas talian.

4. Saya juga dimaklumkan bahawa persidangan ini telah dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Melaka, Majlis Agama Islam Negeri Melaka (MAIM) dan Mahkamah Syariah Negeri Melaka. Saya amat mengalu-alukan kerjasama seperti ini dalam setiap penganjuran program yang akan memberikan manfaat yang besar khususnya kepada masyarakat Islam di Negeri Melaka. Tahniah dan syabas saya ucapkan.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

5. Umum mengetahui bahawa Negeri Melaka telah dikenali di dalam sejarah sebagai salah satu pusat perkembangan Islam di rantau ini.
6. Walaupun para sejarawan berbeza pandangan mengenai tarikh awal kedatangan Islam di Tanah Melayu, namun mereka mengiktiraf bahawa Islam berada pada zaman kegemilangannya ketika era Kesultanan Melayu Melaka pada abad ke-15 Masihi. Hukum Kanun Melaka dan Undang-undang Laut Melaka yang diadaptasi daripada Majalah Ahkam al-Adliyyah daripada Kerajaan Turki Uthmaniyyah menzahirkan keseriusan pemerintah dalam pelaksanaan syariat Islamiyyah pada era tersebut.
7. Kerajaan Negeri Melaka sentiasa mengambil berat akan perkembangan perundangan dan Kehakiman Syariah serta keperluan- keperluan institusi berkenaan. Sebagai sebuah institusi yang memberikan keadilan Syariah, ia harus berada dalam keadaan yang baik sama ada dari

segi infrastruktur fizikal ataupun teknologi dan juga keupayaan tenaga sumber manusia. Alhamdulillah, Mahkamah Syariah Negeri Melaka di bawah pimpinan Ketua Hakim Syarie, Yang Amat Arif Datuk Mohd. Nadzri bin Abdul Rahman sentiasa berhubung rapat dengan saya selaku Ketua Menteri dan juga Pengerusi Majlis Agama Islam Melaka.

Tuan-tuan dan puan-puan yang dikasihi sekalian,

8. Kita semua sedia maklum, pandemik COVID-19 yang melanda dunia telah memberi kesan yang bukan sedikit kepada kehidupan kita. Pada hari ini, jangkitan kes COVID-19 di Malaysia telah melepasi angka **dua (2) juta** orang dan jumlah kematian pula telah melebihi **18,000** orang. Saya menyeru tuan-tuan dan puan-puan sekalian untuk terus memberi sokongan kepada usaha-usaha kerajaan bagi membendung pandemik ini. Tuan-tuan dan puan-puan semua mempunyai peranan dan tanggungjawab masing-masing yang perlu dilunaskan. Patuhilah setiap nasihat kesihatan dan SOP yang ditetapkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Majlis Keselamatan Negara.
9. Antara kesan utama penularan wabak COVID-19 adalah pergerakan kita semua menjadi terhad termasuk tidak dibenarkan merentas negeri sehingga hari ini. Pada peringkat awal penularan COVID-19, kita telah dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di mana kita semua diarahkan duduk di rumah, manakala semua sektor telah ditutup kecuali sektor-sektor perkhidmatan perlu. Mahkamah Syariah juga tidak terkecuali dan turut

ditutup. Bagaimanapun, keadaan sudah semakin bertambah baik pada hari ini, namun masih belum kembali normal seperti sebelum pandemik. Di Melaka, operasi Mahkamah Syariah telah berjalan dengan beberapa limitasi seperti mengehadkan bilangan kehadiran pegawai serta pelanggan ke mahkamah dan bilangan kes-kes perbicaraan harian.

10. Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan syabas kepada Mahkamah-mahkamah Syariah khususnya Mahkamah Syariah Negeri Melaka atas tindakan proaktif dengan melaksanakan perbicaraan menggunakan teknologi komunikasi jarak jauh. Dengan cara ini, akses masyarakat kepada perkhidmatan keadilan mahkamah akan terus terjamin. Saya difahamkan bahawa Negeri Melaka adalah antara negeri terawal yang telah mewartakan Kaedah-kaedah Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Perjalanan Mahkamah Syariah Melalui Teknologi Komunikasi Jarak Jauh).

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

11. Status kemajuan ekonomi dan sosial turut mempengaruhi kesejahteraan masyarakat. Penularan COVID-19 telah menjejaskan ekonomi negara dan negeri, seterusnya menyebabkan sesetengah pihak kehilangan sumber pendapatan. Hal ini secara tidak langsung telah memberikan impak kepada keharmonian dan kerukunan sesebuah rumahtangga. Peningkatan kes-kes konflik keluarga saban tahun, apatah lagi dalam era pandemik kini, menyebabkan permohonan perceraian dan tuntutan nafkah di Mahkamah Syariah semakin meningkat.

12. Kes-kes sebegini hendaklah ditangani, diuruskan dan diselesaikan dengan segera, cekap dan berkesan bagi mengelakkan tunggakan dan kezaliman berterusan kepada pihak-pihak yang terlibat terutama kaum wanita dan kanak-kanak. Justeru itu, saya menyeru kepada tuan-tuan dan puan-puan sekalian sebagai pegawai Mahkamah Syariah untuk terus fokus mengerah idea dan keringat bagi memastikan tidak berlaku tunggakan kes di Mahkamah Syariah. Inovasi-inovasi perkhidmatan hendaklah diteroka termasuklah dengan mengaplikasikan teknologi secara maksimum dalam urusan kerja seharian sebagaimana yang telah saya sebutkan sebentar tadi.
13. Saya difahamkan bahawa di Mahkamah-mahkamah Sivil, Sistem Rakaman dan Transkripsi Mahkamah ataupun *Court Recording and Transcribing System* (CRT) telah digunakan bagi merekodkan keterangan dengan pantas, mempercepatkan proses perbicaraan dan menyegerakan keputusan sesuatu kes. Saya kira sistem seumpama ini juga perlulah disediakan di Mahkamah-mahkamah Syariah. Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) dan juga Mahkamah Syariah Negeri Melaka disarankan untuk melihat kepada keperluan sistem ini dengan serius dan segera.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

14. Pada hujung tahun 2020 yang lalu, Yang Amat Arif Dato Setia Dr. Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie JKSM telah melakukan kunjung hormat kepada saya dan telah menyatakan hasrat untuk membina Akademi Latihan

Kehakiman Syariah Malaysia di Negeri Melaka. Yang Amat Arif telah mengajukan permohonan untuk Kerajaan Negeri Melaka menawarkan beberapa tapak yang sesuai bagi tujuan tersebut.

15. Bagi pihak Kerajaan Negeri Melaka, saya berasa amat sukacita dengan hasrat JKSM yang memilih Negeri Melaka sebagai tapak akademi latihan tersebut. Pentadbiran saya akan membantu pihak JKSM dalam mengenal pasti tapak yang sesuai dan akan menghulurkan bantuan sewajarnya bagi memastikan hasrat tersebut terlaksana. Penubuhan akademi latihan tersebut bukan sahaja akan memberi manfaat kepada komuniti perundangan dan Kehakiman Syariah, bahkan akan memberikan limpahan ekonomi dan kemakmuran sosial kepada rakyat Negeri Melaka. Akademi latihan ini akan menjadi satu mercu tanda atau landmark baru kepada Negeri Melaka apabila ia dikunjungi oleh pelatih-pelatih kursus bukan sahaja dari dalam negara, bahkan dari luar negara juga.

Tuan-tuan dan puan-puan yang saya kasihi sekalian,

16. ***This conference, as I understand, bring together participants from both inside and outside Malaysia. If the conference is held physically, participants would definitely be able to enjoy the beauty of Melaka as a tourism state with many historical and interesting attractions. Perhaps in the future, in other occasion, participants will have the opportunity to visit and explore Melaka. I would warmly welcome the presence of ladies and gentlemen to Malaysia, particularly to Melaka,***

whether for official business like this or for travel.

17. Sebenarnya, Mahkamah Syariah Negeri Melaka juga adalah salah satu destinasi yang mesti dikunjungi oleh para pelancong, khususnya para pengkaji sejarah perundangan Islam. Di Mahkamah Syariah Negeri Melaka Ayer Keroh, terdapat satu galeri kehakiman yang menyimpan satu khazanah berharga iaitu manuskrip salinan Hukum Kanun Melaka. Walaupun ia adalah manuskrip salinan, tetapi keadaannya sama seperti manuskrip asal yang boleh dibaca dan diteliti. Manuskrip asal Hukum Kanun Melaka hanya tersimpan di Perpustakaan Negara Malaysia dan Arkib Negara dan sudah tentunya akses orang ramai kepada manuskrip tersebut adalah sangat terhad dan terkawal.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

18. Selain melaksanakan fungsi kehakiman, Mahkamah Syariah juga perlu memainkan peranan dalam meningkatkan kualiti kehidupan sosial masyarakat. Di samping melaksanakan program-program berkenaan penyebaran informasi perundangan Syariah, saya berpandangan bahawa Mahkamah Syariah juga boleh turut serta turun padang dengan melaksanakan program-program kebajikan dan khidmat sosial terutama dalam situasi pandemik sekarang. Saya amat sukacita apabila Mahkamah Syariah Negeri Melaka, baru-baru ini turut mengadakan program Kembara Jalinan Kasih Ramadan dengan menyantuni dan memberi bantuan kepada golongan yang memerlukan.

Pelaksanaan program-program seperti ini hendaklah sentiasa diadakan dan boleh dibuat secara kerjasama dengan agensi-agensi kerajaan dan badan-badan bukan kerajaan yang lain.

19. Akhirul kalam, saya sekali lagi mengucapkan syabas dan tahniah kepada pihak penganjur atas kejayaan mengadakan persidangan ini. Saya berdoa semoga persidangan pada kali ini dapat mengeratkan lagi silaturrahim antara pegawai-pegawai Kehakiman Syariah seluruh Malaysia serta memperkukuhkan jalinan ukhuwah antara peserta-peserta dari dalam dan luar negara.
20. Semoga pegawai-pegawai Syariah sentiasa peka dengan perkembangan semasa dan terus beriltizam untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada masyarakat dan semoga persidangan seumpama ini akan ada kesinambungannya di masa hadapan.
21. Dengan lafaz kalimah suci Bismillahirrahmanirrahim, saya dengan sukacitanya merasmikan Majlis Penutupan Persidangan Kehakiman Syariah Antarabangsa 2021.

Sekian. Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

- TAMAT -